

Dari juruaudit ke penternak ikan

Sinar Harian 25/4/2018 m/s 40

**Hafizan tinggalkan
kerjaya lumayan
demi minat**

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Demi minat dan inginkan pekerjaan yang menjanjikan masa untuk keluarga, seorang siswazah perakaunan dari Kampung Pengkalan Setar sanggup meninggalkan kerjaya dan menceburi temakan ikan air tawar.

Che Muhammad Hafizan Che Razali, 27, yang sebelum ini bekerja di sebuah syarikat terkenal sebagai juruaudit kewangan dengan gaji lumayan kini mengambil keputusan beralih ke bidang perniagaan dan keusahawanan.

"Memang kerjaya saya sebelum ini menjanjikan gaji lumayan, namun, bebanan kerja membuatkan saya berfikir untuk beralih ke bidang lain bagi menjana pendapatan.

"Tambahnya pula, setelah berkahwin, saya mula memikirkan perancangan masa depan keluarga, saya tidak mahu mengabaikan mereka tanpa mempunyai kualiti waktu untuk diluahkan bersama-sama.

"Lagipun, menternak ikan umpama satu ketenangan buat saya. Jadi, tidak salah mencuba sesuatu yang lain dari kebiasaan biarpun bidang yang saya belajar jauh berbeza dengan apa yang saya usahakan sekarang," katanya.

Permintaan ikan air tawar di Terengganu tinggi

Pemegang diploma dan ijazah perakaunan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini berkata, pada mulanya dia meminati perusahaan temakan udang namun disebabkan kekangan dari segi lokasi, dia memilih menternak ikan sangkar.

"Sebelum pilih untuk temak ikan sangkar ini, saya sendiri ada buat penyelidikan sendiri terutama dari segi pasaran dan cabaran-cabaran yang akan ditempuh kerana ia memakan modal yang agak besar.

"Disebabkan permintaan pasaran bagi ikan air tawar di Terengganu agak tinggi, saya mula berfikir mengapa tidak merebut peluang untuk terlibat dalam perusahaan ini," katanya.



Antara kolam lain yang turut diusahakan di Sungai Manir, di Kampung Beladau Kolam yang menempatkan tilapia telah matang.

Che Muhammad Hafizan berkata, beliau mendaftarkan perniagaan sebagai Syarikat CTE Aqua Enterprise dan mula beroperasi sepenuhnya awal Januari lalu di Sungai Manir, Kampung Beladau Kolam.

Modal RM50,000 untuk bentuk perniagaan

Che Muhammad Hafizan yang juga peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE 5.0) berkata, sebagai modal permulaan, dia membelanjakan kira-kira RM50,000 bagi membina 10 buah sangkar ikan termasuk membeli benih ikan serta mendapatkan bekalan makanan (palet).

"Perniagaan ini memerlukan modal besar sebab tu kena betul-betul berani mencuba. Maklumlah, temakan ini ramai musuh seperti burung yang akan memakan benih ikan yang masih kecil, memerang dan biawak" katanya.

Che Muhammad Hafizan berkata, dia

begitu berbesar hati menerima bantuan geran RM15,000 di bawah program peningkatan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Bumiputera oleh SME Corp Malaysia.

"Saya amat berterima kasih dengan peluang dan pengalaman selama tiga minggu menyertai TUBE 5.0, banyak pengalaman saya dapat di samping dapat membantu membina jaringan dalam perniagaan saya," katanya.

Che Muhammad Hafizan atau lebih mesra disapa Ijan berkata, sebagai permulaan dia menyasarkan untuk menternak tiga jenis ikan iaitu ikan tilapia,

patin dan baung.

"Setakat ini terdapat dua jenis ikan temakan saya iaitu tilapia dan ikan patin yang mana benih yang dipelihara berusia tiga bulan manakala benih bagi ikan baung kini masih dalam proses dan ia akan sampai tidak lama lagi.

"Setakat ini setiap satu sangkar boleh memuatkan sebanyak 2,000 benih ikan," katanya.

Sasar penghasilan 10 tan ikan bagi setiap tuaian

Ditanya dari segi sasaran pengeluaran, katanya, dia menyasarkan satu tan bagi setiap satu petak sangkar menjadikan

sejumlah 10 tan ikan yang dapat dihasilkan bagi setiap tuaian.

"Berat bagi setiap seekor ikan tilapia matang (enam bulan) mampu mencecah antara 500 hingga 700 gram. Bagi ikan patin pula ada yang cecah lebih sekilogram. Jadi, saya rasa mampu untuk capai sasaran itu.

"Dari segi pasaran pula, setakat ini saya sasarkan untuk tembusi pasaran dalam Terengganu dan selepas itu akan cuba untuk intai pasaran luar," katanya.

SME Corp bantu pantau perniagaan

Sementara itu, Pengarah SME Corp Malaysia Terengganu, Muhammad Ibrahim berkata, pihaknya akan menjalankan pemantauan terhadap temakan ikan itu selepas enam bulan beroperasi.

"Biasanya, ada dua tumpuan yang akan kita berikan iaitu dari segi meningkatkan kapasiti pengeluaran seperti menambahkan produktiviti dan mengurangkan kos 'overhead' dengan pengeluaran palet sendiri dan seterusnya meningkatkan kualiti produk.

"Kita juga akan bantu usahawan untuk luaskan lagi pasaran contohnya membantu mereka untuk meluaskan lagi pasaran menerusi penghasilan ikan sejuk beku," katanya.



Muhammad (kiri) ketika melawat tapak operasi ternakan ikan air tawar diusahakan peserta TUBE 5.0, Che Muhammad Hafizan.

Che Muhammad Hafizan memberi makan ikan temakannya yang kini berusia tiga bulan.



Che Muhammad Hafizan menunjukkan contoh tilapia yang telah matang dan sedia untuk dipasarkan.